

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, August 15, 2019 8:36 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mulakan Sekarang, Jangan Tunggu Sehingga Anda Graduat



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 OGOS 2019 / 14 ZULHIJAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Amirullah Ikrami Akbar Jahan
Gambar oleh: UUM CAS

MULAKAN SEKARANG, JANGAN TUNGGU SEHINGGA ANDA GRADUAT



UUM ONLINE: Shah Alam - "Untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya, setiap pelajar harus memulakan perniagaan sendiri lebih awal lagi dan jangan tunggu sehingga tamat pengajian baru hendak berniaga," ujar pemilik syarikat Seven Maker Studio Sdn. Bhd., Mohd Syafiq Zainal yang juga alumni UUM kumpulan pertama dari program Ijazah Sarjana Muda Industri Kreatif pada 2016.

Mohd Syafiq telah berkongsi pengalaman beliau menjadi seorang usahawan dalam bidang industri kreatif bersama 22 pelajar UUM CAS yang mengikuti program keusahawanan *Utara Creativepreneur Incubator* (UCI) anjuran Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni CAS (PPA CAS), Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) dan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).

Selain itu, beliau juga mengingatkan pelajar untuk sentiasa menghubungkan kursus teras yang diambil seperti kewangan dan pemasaran dengan perniagaan yang ingin dijalankan.

Menurutnya, beliau memulakan perniagaannya dengan menubuhkan syarikat sendiri sejak semester satu lagi dan mula mendapatkan kerja sambilan membina sistem laman sesawang.

Kini, Mohd Syafiq sedang mengusahakan perniagaan berkenaan dengan pembangunan sistem secara atas talian dan laman sesawang.

Dalam program UCI ini, Mohd Syafiq telah dilantik sebagai mentor industri kepada salah seorang peserta UCI yang turut menjalankan perniagaan berkaitan dengan pengurusan sistem laman sesawang secara atas talian.

Pada program ini juga, dua lagi alumni UUM turut berkongsi pengalaman membina syarikat berasaskan industri kreatif iaitu Noor Shafiq Nordin dari Califwork Studio dan Wan Mohd Rafiq Wan Shamsul Kamal dari One's Visual.

Noor Shafiq dan Wan Mohd Rafiq merupakan usahawan dalam bidang perfileman dan terlibat di dalam projek pembikinan filem seperti Polis Evo.

Seperti Mohd Shafiq, mereka berdua turut memulakan perniagaan sejak di UUM lagi. Antara pesanan mereka kepada pelajar ialah untuk menjalankan perniagaan berasaskan minat dan sentiasa mengambil bahagian di dalam pertandingan untuk mendapatkan pengalaman dan pengiktirafan.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.